JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI

BICARA EKSEKUTIF MUFTI BERSAMA MASYARAKAT

BERIKUT IALAH RESOLUSI PEMANTAPAN MANHAJ AHLI SUNAH WALJAMAAH (AL-ASYA'IRAH DAN AL-MATURIDIYYAH) NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN, YANG DIBINA BERDASARKAN ANALISIS MENYELURUH TERHADAP KETIGA-TIGA PEMBENTANGAN PROGRAM BICARA EKSEKUTIF: MUFTI BERSAMA MASYARAKAT DI HOTEL CASUARINA @ MERU, IPOH BERTARIKH 19 OKTOBER 2026.

TUJUAN RESOLUSI INI DIBENTANG BAGI MEMBOLEHKAN PIHAK JABATAN MUFTI NEGERI PERAK MENGANGKATNYA SEBAGAI FATWA DIWARTAKAN DAN SEBAGAI LANGKAH AWAL UNTUK DIMASUKKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERAK DARUL RIDZUAN.

RESOLUSI 1

PEMAKTUBAN TAKRIFAN RASMI AHLI SUNAH WALJAMAAHNEGERI PERAK

MENGABSAHKAN TAKRIFAN TIGA TERAS UTAMA: MEMAKTUBKAN SECARA RASMI DALAM WARTA FATWA PERAK BAHAWA AHLI SUNAH WALJAMAAH (ASWJ) MERUJUK KEPADA UMAT ISLAM YANG BERPEGANG DENGAN:

- PEGANGAN AKIDAH & TAUHID: BERPANDUKAN MANHAJ IMAM ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI, IMAM ABU MANSUR AL-MATURIDI, DAN PARA ULAMA ALIRAN AL-ASYA'IRAH SERTA AL-MATURIDIYYAH.

- PEGANGAN SYARIAH & FIQAH: BERPANDUKAN MAZHAB IMAM AL-SYAFI'I, DENGAN MERAIKAN TIGA MAZHAB FIQAH SUNNI YANG MUKTABAR (HANAFI, MALIKI, DAN HANBALI) ATAU IJTIHAD JAWATANKUASA FATWA.

- PEGANGAN AKHLAK & TASAWUF: BERPANDUKAN MANHAJ IMAM JUNAID AL-BAGHDADI, IMAM AL-GHAZALI, DAN ALIRAN TASAWUF MUKTABAR YANG SUCI DARIPADA BIDAAH.

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 2

PENEGASAN TERAS AKIDAH
TAUHID ASYA'IRAH-MATURIDIYYAH & SIFAT 20

1. INTEGRASI DALIL NAQLI DAN AQLI: MEMPERKUKUH IKTIKAD BAHAWA JALAN KESELAMATAN AKIDAH ADALAH DENGAN MENGGABUNGKAN SUMBER NAQLI (AL-QURAN DAN AL-SUNAH SEBAGAI NERACA UTAMA) DAN AQLI (AKAL SIHAT) SECARA SEIMBANG (WASATIYYAH).

2. SILIBUS SIFAT 20 SEBAGAI KURIKULUM RASMI: MENJADIKAN PENGAJIAN TAUHID BERASASKAN KANDUNGAN AL-SHAHADATAYN, RUKUN IMAN/ISLAM/IHSAN, TAUHID ZAT, SIFAT, DAN AF'AL ALLAH SWT, SERTA PERINCIAN SIFAT 20 (41 PERKARA ILAHIYYAT, 9 PERKARA NUBUWWAT, DAN SAM'IYYAT) SEBAGAI KURIKULUM WAJIB DI MASJID, SURAU, SEKOLAH AGAMA, DAN PENGAJIAN AWAM DI NEGERI PERAK.

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 3

MENYUCIKAN ALLAH (TANZĪH WA TAQDĪS) & PENGHARAMAN TAJSĪM SERTA TASHBĪH

1. PENYUCIAN ZAT DAN SIFAT ALLAH: MEWAJIBKAN KEPERCAYAAN BAHAWA ALLAH SWT MAHA ESA DAN SUCI (TANZĪH WA TAQDĪS) SECARA MUTLAK DARIPADA SEBARANG KEKURANGAN, JASAD, ANGGOTA, TEMPAT, ATAU KESERUPAAN DENGAN MAKHLUK.

2. PENGHARAMAN ALIRAN TAJSĪM DAN TASHBĪḤ: MENGHARAMKAN SEBARANG PEGANGAN ATAU AJARAN YANG MENGANDUNGI UNSUR TAJSĪM (AL-MUJASSIMAH – IKTIKAD ALLAH BERJASAD/BEROBJEK) DAN TASHBĪḤ (AL-MUSHABBIHAH – MENGUMPAMAKAN ALLAH SEPERTI MAKHLUK).

3. KAEDAH MUTASHABIHAT: MENGUATKUASAKAN PENGGUNAAN KAEDAH TAFWĪḌ (PENYERAHAN MAKNA HAKIKI KEPADA ALLAH) DAN TAKWĪL (TAFSIRAN MAKNA YANG BERSESUAIAN DENGAN KAEDAH BAHASA ARAB) BAGI MEMAHAMI NAS-NAS MUTASHABIHAT.

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 4

PINDAAN ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAN PENGUATKUASAAN SYARIAH

1. PINDAAN TAFSIRAN UNDANG-UNDANG: MENGESYORKAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK (MAIPK) SERTA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PERAK MEMBUAT PINDAAN PADA ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK BAGI MEMASUKKAN PINDAAN TAFSIRAN "HUKUM SYARAK" DAN "AHLI SUNAH WALJAMAAH" YANG KHUSUS BERSUMBERKAN ALIRAN AL-ASYA'IRAH DAN AL-MATURIDIYYAH.

2. TINDAKAN JENAYAH SYARIAH: MEMPERKASAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI PERAK TERHADAP MANA-MANA INDIVIDU, KUMPULAN ATAU PERTUBUHAN (BERDAFTAR ATAU TIDAK) YANG MEMPERTIKAIKAN, MEREMEHKAN, MENGAMALKAN ATAU MENYEBARKAN AJARAN YANG BERTENTANGAN DENGAN PEGANGAN ASWJ ASYA'IRAH-MATURIDIYYAH.

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 5

PELARANGAN FIRQAH BIDAAH DAN ALIRAN MENYELEWENG

1. PENGHARAMAN FIRQAH MENYELEWENG: MEWARTAKAN PELARANGAN DAN PENYENARAIAN HITAM KE ATAS FIRQAH-FIRQAH BIDAAH YANG TERKELUAR DARIPADA ASWJ DI PERAK SEBAGAIMANA YANG DIGARISKAN DALAM DEKLARASI IPOH 2023 IAITU: SYIAH, KHAWARIJ, MUJASSIMAH, MUSHABBIHAH, MUKTAZILAH, BATINIYYAH, WAHHABI, SALAFIAH JIHADIAH, DAESH, AL-IKHWAN, HIZBUT TAHRIR SERTA AJARAN SESAT TEMPATAN.

2. SEKATAN BAHAN PUBLISITI: DILARANG DARIPADA MENCETAK, MENERBITKAN, MEMILIKI, MENYEBAR, MENDENGAR ATAU MENGEDARKAN APA-APA BAHAN PUBLISITI DAN RAKAMAN YANG MENONJOLKAN AJARAN FIRQAH-FIRQAH MENYELEWENG BERKENAAN MELALUI APA-APA MEDIUM.

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 6

PENOLAKAN IDEOLOGI MODEN
(LIBERALISME, SEKULARISME, PLURALISME & ATEISME)

1. MEMBASMI IDEOLOGI PEROSAK SHAHADAH: MENGELUARKAN FATWA KHAS MENOLAK IDEOLOGI MODEN YANG MEROSAKKAN IKATAN DUA KALIMAH SYAHADAH.

2. LIBERALISME: YANG MENOLAK KEPATUHAN WAHYU ATAS DASAR AUTONOMI DAN KEBEBASAN INDIVIDU.

3. SEKULARISME: YANG MEMISAHKAN AGAMA DARIPADA PENTADBIRAN DAN KEHIDUPAN DUNIA.

4. PLURALISME AGAMA: YANG MENAFIKAN EKSKLUSIVITI KEBENARAN ISLAM DAN MENGANGGAP SEMUA AGAMA SETARA.

5. MEMBENDUNG ATEISME & NEW AGE MOVEMENT: MEMBANTERAS FAHAMAN ATEISME (TERMASUK AGNOSTIK, SKEPTIK, MATERIALISME, NATURALISME) SERTA ANCAMAN NEW AGE MOVEMENT YANG MEMBAWA AJARAN MONISME, PANTEISME (HULUL/ITTIHAD), RELATIVISME KEBENARAN DAN KEPERCAYAAN REINKARNASI/KARMA YANG MERUNTUHKAN TAUHID.

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 7

PEMBENDUNGAN FENOMENA TAKFĪR (KAFIR-MENGKAFIR) & EKSTREMISME

1. MENJAGA KESATUAN AHLI KIBLAT: MENEGASKAN PRINSIP WASATIYYAH BAHAWA SESAMA UMAT ISLAM (AHLI KIBLAT) TIDAK BOLEH DIHUKUM KAFIR ATAU MENYESATKAN SEMATA-MATA KERANA MELAKUKAN DOSA ATAU KERANA PERBEZAAN PANDANGAN DALAM PERKARA KHILAFIYYAH DAN ADAB AMALAN SUNAT (SEPERTI TAWASSUL, TABARRUK DAN ISTIGHĀTHAH).

2. AUTORITI MENGHUKUM KAFIR: MENGHARAMKAN MANA-MANA INDIVIDU ATAU KUMPULAN DARIPADA MEMBUAT TUDUHAN TAKFĪR (MENGHUKUM KAFIR) ATAU MENYESATKAN ULAMA DAN MASYARAKAT AWAM SECARA BERSENDIRIAN. PENETAPAN STATUS KEKUFURAN/KESESATAN HANYA SAH JIKA DIPUTUSKAN OLEH AUTORITI RASMI (JAWATANKUASA FATWA).

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 8

PEMANTAUAN MEDIA BAHARU
BERPASAKKAN GARIS PANDUAN JAKIM 2024

1. MENGGUNA PAKAI GARIS PANDUAN DIGITAL: MENERIMA PAKAI GARIS PANDUAN KANDUNGAN BERUNSUR ISLAM DALAM MEDIA BAHARU (JAKIM 2024) DI NEGERI PERAK BAGI MEMANTAU DAN MENGAWAL SELIA PENYEBARAN MAKLUMAT AGAMA DI PLATFORM MEDIA SOSIAL (TIKTOK, YOUTUBE, FACEBOOK, PODCAST DAN LAIN-LAIN).

2. UNIT PEMANTAUAN CYBER SYARIAH: MENUBUHKAN UNIT KHAS PEMANTAUAN MEDIA BAHARU DI BAWAH JABATAN AGAMA ISLAM PERAK (JAIPK) DAN JABATAN MUFTI NEGERI PERAK BAGI MEMBENDUNG DAKYAH SYUBHAT PENYELEWENGAN AKIDAH SECARA DALAM TALIAN.

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

RESOLUSI 9

PEMERKASAAN PENGAJIAN KITAB TURATH MUKTABAR

1. MENGGALAKKAN PENGIMARAHAN DAN PENGUKUHAN SEMULA PENGAJIAN KITAB-KITAB TURATH MUKTABAR DALAM BIDANG AKIDAH YANG DIKARANG OLEH ULAMA BERAUTORITI DALAM TRADISI AL-ASYA'IRAH DAN AL-MATURIDIYYAH MELALUI INSTITUSI MASJID, SURAU, PONDOK, MADRASAH DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI. INISIATIF INI HENDAKLAH DISOKONG DENGAN PENYEDIAAN SILIBUS YANG TERSUSUN, PEMILIHAN TENAGA PENGAJAR YANG BERKELAYAKAN SERTA KAEDAH PENGAJARAN YANG SESUAI BAGI MEMPERKUKUH KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP AKIDAH AHLI SUNAH WALJAMAAH.

RESOLUSI 10

PENDAULATAN SYIAR SULTAN & KETAATAN KEPADA WALIYUL AMRI

1. MENELADANI SEJARAH PENDAULATAN SYIAR: MENGANGKAT SEMULA TRADISI PENDAULATAN SYIAR AKIDAH ASYA'IRAH SEBAGAIMANA YANG DITAULADANI OLEH SULTAN SALAHUDDIN AL-AYYUBI DAN WARISAN INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU DI TANAH MELAYU.